



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2012

**PEMANSUHAN SKIM PERKHIDMATAN PENGAWAS PEMULIHAN,
PENGURUS STESEN DAN PENOLONG PEGAWAI PENAKSIR**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pemansuhan skim perkhidmatan Pengawas Pemulihan, Pengurus Stesen dan Penolong Pegawai Penaksir sedia ada yang diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Bagi memperkemas struktur Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan yang perkhidmatannya tidak lagi diperlukan dan tidak lagi mempunyai penyandang dimansuhkan. Sehubungan itu, tiga (3) skim perkhidmatan telah dikenal pasti untuk dimansuhkan iaitu Pengawas Pemulihan, Pengurus Stesen dan Penolong Pegawai Penaksir.

PELAKSANAAN

3. Mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini, semua urusan pelantikan sebagai Pengawas Pemulihan, Pengurus Stesen dan Penolong Pegawai Penaksir tidak boleh dilaksanakan. Berikutan pemansuhan tersebut juga, peruntukan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Pengurus Stesen dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, N32, N36 turut dimansuhkan.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2013**.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pengawas Pemulihan, Pengurus Stesen dan Penolong Pegawai Penaksir yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATUK FARIDA MOHD ALI)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Oktober 2012

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan